

**Ibu Pejabat MCA Disimbah Cat Merah  
Bernama  
3 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek telah mengarahkan pihak pentadbiran parti itu membuat laporan polis berhubung insiden simbahan cat merah di pintu depan ibu pejabat MCA di Jalan Ampang di sini, Khamis.

Walaupun wujud spekulasi ia ada kaitan dengan penolakan parti itu terhadap pelaksanaan hukum hudud, Dr Chua berkata beliau tidak mahu menuding jari kepada mana-mana pihak.

"Kita berharap polis dapat menyiasat dan ada berbagai-bagai spekulasi. Ada orang menyatakan ia kerana MCA telah menentang PAS dalam pelaksanaan hudud.

"Adakah ia berhubung kait dengan PAS, kita tidak tahu. Saya tidak menyatakan ia ada hubung kait dengan PAS," katanya kepada pemberita selepas perasmian Forum Dunia Ekonomi China Ketiga di Seri Kembangan di sini, hari ini.

Majlis yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin itu dihadiri peserta dari lebih 30 negara mewakili benua Eropah, Asia, Afrika serta Australia.

Kesal dengan kejadian itu, Dr Chua berkata setiap parti politik di negara ini boleh mempunyai perbezaan pendapat tetapi tidak seharusnya melakukan sesuatu tindakan atau perbuatan yang melanggar undang-undang.

"Kita rasa dukacita dan kesal terhadap sesiapa yang lontarkan cat merah di pintu depan ibu pejabat MCA. Dalam sejarah 60 tahun MCA, ini kali pertama ibu pejabat kami dilontar dengan cat merah," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Chua menggesa DAP dan Parti Keadilan Rakyat menyatakan pendirian mereka mengenai pelaksanaan hukum hudud di negara ini.

Katanya sekutu mereka, PAS telah menyatakan bahawa pelaksanaan hukum itu tidak membawa implikasi kepada golongan bukan Islam di Malaysia.

---BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=624398>